Jawab soalan - soalan yang berikut.

Afif, Imran dan Rizmi ingin menyiasat kelajuan kereta kawalan jauh mereka. Jarak yang dilalui oleh kereta-kereta itu ialah 10 meter. Jadual di bawah menunjukkan keputusan bagi perlumbaan yang diadakan.

Kereta kawalan jauh	Masa yang diambil (saat)	Kelajuan
Afif	2	
Imran	4	
Rizmi	5	

a) Hitung kelajuan bagi ketiga-tiga kereta kawalan jauh dan lengkapkan jadual di atas.

b) Pada pendapat kamu, kereta kawalan jauh siapakah yang paling laju? Tandakan (/)

Afif ☐ Imran ☐ Rizmi ☐

c) Nyatakan inferens bagi jawapan kamu di (b). Gariskan perkataan yang betul.

Kereta kawalan jauh (Afif / Imran / Rizmi) paling laju kerana mengambil masa paling (lama / singkat) untuk sampai ke garisan penamat pada jarak yang (ditetapkan / diubah).

d) Ramalkan kelajuan kereta kawalan jauh yang boleh menandingi kelajuan kereta kawalan jauh di (b)

6.0 m/s ☐ 0.6 m/s ☐ 0.06 m/s ☐

LIVEWORKSHEETS